



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop: Bisyop Datuk Meller Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

**P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah**

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Minggu 3 sebelum Adventus - 10 November 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, hamba-Mu yang terpilih iaitu Abraham telah mentaati panggilan-Mu dan bersukacita dalam perjanjian-Mu, bahawa di dalam dia, semua keluarga di bumi diberkati: berilah kami iman seperti dia, supaya perjanjian-Mu digenapi di dalam kami, perjanjian-Mu digenapi di dalam kami. Amin.

Injil - Markus 1:14-20

Pembacaan Berbalas-balas -
Yakobus 5:7-12

**Bersabarlah ...
Sampai kepada kedatangan
Tuhan** - *Yakobus 5:7*

Sejauh mana kesabaran anda telah diuji?

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Selamat datang ke kebaktian pagi ini. Kami juga menyambut anda yang mengikuti kami secara dalam talian.

Sambutan istimewa kepada Rev. Jacob Lim. Rev. Jacob ialah pengetua ASAA (All Saints' Anglican Academy). Beliau akan berkongsi firman Tuhan di Kebaktian BI pada pagi ini.


Rektor kita dan Lorraine sedang bercuti sabatikal di sepanjang bulan Oktober dan November. Semasa ketiadaannya, maka Rev. Samuel, Ps. Margaret dan PCC akan mengambil alih teraju kepimpinan pastoral dan pentadbiran gereja. Sila merujuk mereka bagi pelbagai urusan yang terkait. Mohon dukungan doa buat rektor dan isterinya Lorraine, agar disegarkan dan diperbaharui untuk tugasannya seterusnya.

2. 'LATIH IMAN KITA'

Apakah itu agama yang sesungguhnya? Bagaimana kita mengamalkan iman kita? Kita teruskan siri khutbah dari Kitab Yakobus. Kitab yang singkat ini penuh dengan nasihat kepada para pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka.

"Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:

- 10 Nov, hari ini: 'Bersabarlah' - *Yakobus 5:7-12*
- 17 Nov: 'Berdoalah' - *Yakobus 5:13-20*
- 24 Nov: Perkongsian tentang Misi oleh pembicara jemputan - *Lukas 10:17-24*



3. LAWATAN MISI

Kita belajar bagaimana melatih iman melalui misi. Bertekunlah dalam doa. Memberilah dengan murah hati. Berikut pasukan-pasukan misi kita:

- 15-17 Nov: Pasukan BC ke Kundasang, dipimpin oleh Ps. Margaret Chong.
- 22-23 Nov: Pasukan BM ke Pitas, dipimpin oleh Rev. Samuel Sampe.

4. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- 14 Nov - **Persekutuan Doa Gabungan**. Kita perlu berdoa untuk musim Krismas. Acara ini akan menjadi pertemuan doa yang terakhir untuk tahun ini. Semua jemaat digalakkan untuk menyertainya.
- 28 Nov - **Perjamuan Kudus Rumah**. 8:00 pg - Perjamuan Kudus, di gereja. 9:00 pg - Kunjungan rumah. Untuk keterangan lanjut, sila

bertanya ke Meja Pelayanan Jemaat kami; atau hubungi pejabat gereja.

- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Maureen Chin.
- Pelayanan **paduan suara** kita ingin membuka kemasukan ahli sebagai persiapan untuk persembahan di sambutan Krismas KK. Jika anda berminat untuk menyertainya, sila hubungi Vivienne (016-847 9073).
- **Tadika ASAA** dibuka untuk pendaftaran bagi kanak-kanak berumur 4-5 tahun pada tahun 2025. Butiran di papan informasi.

5. SUKACITA KRISMAS

- 1 Dis, Ahad, 9:30 pg - Perayaan kanak-kanak BLAST
 - 4 Dis, Rabu, 8:00 mlm - Perayaan Belia Soma
 - 7 Dis, Sabtu, 5:00 ptg - Perayaan Joy Club
 - 13 Dis, Jumaat, 1:00 ptg - Perayaan muda-mudi Soma
 - 14 Dis, Sabtu:
 - 10:00 pg - Perayaan Evergreens
 - 2:00 ptg - Perayaan Pelita Kecil & Kanak-kanak BC
 - 7:00 mlm - Perayaan muda-mudi Faith
 - 15 Dis, Ahad, 6:00 ptg - 'Sukacita Krismas', di perkarangan gereja kita. Malam Persekutuan, persembahan pentas, jualan makanan, cabutan berkat, dll..
 - 18 Dis, Rabu, 7:00 mlm - Perayaan Belia BC & BI
 - 21 Dis, Sabtu, 4:00 ptg - Perayaan muda-mudi BC
- Nantikanlah informasi terkini yang akan dikongsikan.



6. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM151,580/- Minggu lepas: RM9,800/- Masih diperlukan: RM448,420/-

- Sementara itu, kami meminta sebut harga (quotation) bagi pelaksanaan projek, cadangan kuarters staf 4 tingkat untuk Christ Church Likas. Mana-mana pihak petender (syarikat) yang berminat, sila hubungi Arkitek PV + Tang Sdn. Bhd. (088-433798) untuk maklumat terperinci dokumen tender.



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Latih Iman Kita

Kuasa kesabaran - Yakobus 5:7-12

Pendahuluan: Amsal 16:32 Orang yang sabar melebihi seorang pahlawan, orang yang menguasai dirinya, melebihi orang yang merebut kota.

1. Berdiri teguh – Yakobus 5:8
2. Bersyukur – Yakobus 5:9
3. Bertekun - Yakobus 5:11

Untuk renungan & perbincangan:

1. Yakobus mendorong agar kita bersabar, seperti seorang petani yang menunggu musim menuai. Apakah perkara dalam hidupmu yang Tuhan mahu supaya kesabaranmu dapat dilatih? Bagaimana kamu dapat mengingatkan diri untuk menantikan Dia?
2. Petikan ini menyeru kita untuk berdiri teguh kerana kedatangan Tuhan sudah dekat. Bagi kamu, apakah maksud "meneguhkan hatimu" dalam iman dalam masa yang sukar? Bagaimanakah kamu boleh melakukan ini secara praktikal dalam kehidupan seharianmu?
3. Pada ayat 11, Yakobus memanggil kita untuk memahami apa yang dialami oleh Ayub. Apa yang dapat kamu jelaskan berkenaan penderitaan dan kebahagiaan yang dialami Ayub? Dan apakah ia juga masih relevan dalam kehidupan kita pada masa kini? Kongsiikan.
4. Ayat 11 mengingatkan kita tentang kasih dan belas kasihan Tuhan pada akhirnya. Bagaimanakah kamu melihat kasih dan belas kasihan Tuhan dalam hidupmu atau dalam kehidupan orang-orang di sekelilingmu? Bagaimanakah refleksi tentang perkara ini boleh mendorong kamu semasa menghadapi masa yang mencabar?

UNTUK DIDOAKAN

Diosis kita yang dikasihi

- Berdoa untuk ladang Misi kita di Indonesia.

[Berdoa untuk Revd. Jakobus Chong, Revd. Martin Ataring, Revd. Ferdinan Atonis dan Ps Christina Simon]

Gereja kita yang dikasihi

- Berdoa untuk program Krismas

[Berdoa untuk semua perayaan Krismas yang telah dirancang, semoga dapat membawa berkat rohani kepada semua yang hadir]

Diri kita sendiri

- Kesabaran adalah buah dari iman

[Berdoa untuk pribadi kami, agar kuat dalam menghadapi berbagai rintangan dan beban dalam kehidupan, kerana kami percaya akan pertolongan Tuhan tidak akan pernah terlambat]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.